

# UMS tubuh unit khas bantu pacu pembangunan sektor pelancongan di BIMP-EAGA

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan unit khas bagi membantu memacu pembangunan sektor pelancongan di kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, bagi menjayakan operasi yang berpaksi kepada inisiatif akademik, unit itu akan mengadakan hubungan formal dengan universiti lain di rantau ini yang turut membentuk struktur yang serupa dalam membangunkan rangkaian sektor pelancongan.

"Misalnya Brunei Darussalam akan memfokus kepada pembangunan pengangkutan dan pembangunan infrastruktur, Indonesia pula membangunkan sumber asli manakala Filipina menumpukan pembangunan industri kecil dan sederhana.

"Ini bagi memastikan empat fokus utama BIMP-EAGA ini dapat diteroka dan maklumatnya boleh dikongsi bersama di kalangan negara-negara anggota BIMP EAGA," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Unit BIMP-EAGA khas untuk Pembangunan Pelancongan, di UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu dirasmikan oleh mantan Presiden Republik Filipina Fidel V Ramos dan turut hadir Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Elron Angin.

Kamaruzaman berkata, satu daripada tujuan utama unit pelancongan itu ialah memusatkan semua penerbitan dan data berkenaan BIMP-EAGA terutama yang ada kaitan dengan pelancongan, sekaligus memudahkan mereka yang berkepentingan memperolehi maklumat yang diberikan.

"Ini akan mendorong dan membantu menjayakan pelan pembangunan BIMP-EAGA, terutama daripada segi pelancongan di rantau ini melalui penyelidikan dan inovasi bersama," katanya.

**-OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabah-times.com.my)**